



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT(BEM)1000/016/046 Jld.13(47)
Tarikh : 3/Mei 2019

**Semua Naib Canselor/ Rektor Universiti Awam
Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta**

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' /Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN KESIHATAN DAN INSURAN PELAJAR ANTARABANGSA DI IPT MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' /Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Keputusan Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) Bil 2/2018 berhubung penambahbaikan kemudahan untuk meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia telah bersetuju untuk menyemak semula Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Dan Insuran Pelajar Antarabangsa Di IPT Malaysia Tahun 2014 dengan **membuat penambahbaikan kepada kaedah sedia ada iaitu pelajar antarabangsa di IPT kini hanya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan pasca ketibaan sahaja sebelum pas pelajar dikeluarkan.**

3. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Dan Insuran Pelajar Antarabangsa Di IPT Malaysia Tahun 2019 telah disediakan bertujuan memaklumkan kaedah pemeriksaan kesihatan dan insurans pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2019.


4. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Dan Insuran Pelajar Antarabangsa Di IPT Malaysia untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' /Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan sewajarnya.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' /Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia